

12 JAN 2000

Shahidan-MT

SHAHIDAN AKAN PERTAHAN JAWATAN MAJLIS TERTINGGI

KANGAR, 12 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim hanya akan mempertahankan kerusi Majlis Tertinggi (MT) UMNO pada perhimpunan agung parti itu, Mei ini.

Beliau yang sebelum ini menawarkan diri untuk jawatan naib presiden berkata beliau terpaksa menarik diri kerana banyak tokoh yang lebih berwibawa telah menawarkan diri untuk jawatan yang sama.

"Saya menawarkan diri (untuk jawatan naib presiden) kerana tiada yang berbuat demikian ketika itu ... kini telah banyak yang tawar diri," katanya kepada para pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Shahidan berkata, berdasarkan perkembangan terkini, beliau melihat calon-calon yang telah menawarkan diri untuk jawatan naib presiden adalah lebih berkeelayakan daripadanya.

"Biarlah saya mempertahankan kerusi Majlis Tertinggi sahaja," katanya.

Ditanya sama ada beliau telah mempunyai pemikiran tentang siapa yang akan disokong sebagai naib presiden, Shahidan yang juga anggota MT berkata beliau mempunyai pandangan tersendiri.

"Yang pasti saya akan sokong tiga orang," katanya.

Menyentuh mengenai pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden Umno, Shahidan berkata Badan Perhubungan Umno Perlis telah lama membuat keputusan untuk mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalannya.

"Kami buat keputusan pada mesyuarat badan perhubungan pada 31 Disember lalu," kata Menteri Besar, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

-- BERNAMA

AD zb